HAK ANDA DALAM KAWASAN HUTAN BERSIJIL MTCS

Majlis Pensijilan Kayu Malaysia mtcc PEFC PEFC/34-01-01

Jika anda adalah sebahagian daripada **masyarakat setempat yang tinggal di dalam atau berdekatan dengan hutan yang disijilkan di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS)**, dan terkesan oleh operasi pengurusan hutan yang dijalankan di dalam unit pengurusan hutan tersebut, anda mempunyai hak yang menentukan bagaimana hutan tersebut diuruskan dan digunakan. Di bawah MTCS, anda mempunyai hak untuk:



Pengurus hutan mesti melibatkan komuniti anda melalui perundingan dan mesyuarat yang sewajarnya. **Anda mempunyai hak untuk diberi makluman, memberi maklum balas, dan menyuara kebimbangan anda** mengenai rancangan hutan yang mungkin memberi kesan.



Komuniti anda boleh mendapat manfaat daripada kerja-kerja hutan melalui peluang pekerjaan, latihan kemahiran, atau akses berterusan kepada sumber hutan seperti rotan, buah-buahan, herba, dan tumbuhan ubatan.



Komuniti anda boleh mengenal pasti dan menanda kawasan yang penting untuk kegunaan atau nilai budaya anda, seperti tapak untuk pertanian, pengutipan hasil hutan, atau kawasan yang mempunyai kepentingan tradisi, budaya dan kerohanian.



Jika kerja-kerja hutan menyebabkan masalah seperti kerosakan tanaman, kehilangan sumber pendapatan, atau pencemaran sumber air, **komuniti anda boleh mengemukakan aduan melalui proses aduan dan penyelesaian pertikaian oleh unit pengurusan hutan**.

Tarikh dikeluarkan: 15 Julai 2026